

13 NOV 1998

APEC-BERITA-ESTRADA/I

M'SIA BELUM SAHKAN PERTEMUAN MAHATHIR-ESTRADA

MANILA, 13 Nov (Bernama) -- Malaysia belum mengesahkan permintaan Manila bagi pertemuan antara Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan Presiden Joseph Estrada, kata seorang pegawai di sini.

Jurucakap Presiden Jerry Barican berkata pertemuan itu diatur oleh pegawai-pegawai hal ehwal luar sempena dengan Sidang Kemuncak ketua-ketua Apec di Kuala Lumpur minggu depan.

Estrada akan berlepas ke Kuala Lumpur pada Isnin, kunjungan ke luar negara yang kedua selepas menjawat jawatan Presiden pada 30 Jun lalu. Lawatan pertama adalah ke Singapura.

Beliau akan diiringi oleh 70 anggota rombongan termasuk usahawan Filipina yang berminat untuk menjalinkan usaha sama dengan rakan sejawatan mereka di Malaysia.

Ketika di Malaysia, Estrada akan berucap di Majlis Perniagaan Malaysia-Filipina dan Majlis Perniagaan AS-Asean untuk menjelaskan dengan terperinci mengenai potensi pelaburan Filipina.

Beliau juga akan menghadiri perjumpaan dengan rakyat Filipina di Kuala Lumpur.

Pertemuan dua hala lain Estrada yang masih belum disahkan adalah dengan Perdana Menteri Jepun Keizo Obuchi, Presiden Korea Selatan Kim Dae-Jung, Perdana Menteri Australia John Howard dan Presiden Chile Eduardo Frei.

Setakat ini yang telah disahkan adalah pertemuan dengan Presiden Amerika Syarikat Bill Clinton dan Presiden China Jiang Zemin.

Barican berkata dalam pertemuan dengan Jiang, Estrada akan memberikan perhatian kepada isu dakwaan China terhadap tuntutan Filipina bagi sebuah pulau di Laut China Selatan.

Beliau akan ditemuramah oleh Washington Post, New York Times, Financial Times, Asian Wall Street Journal dan the Cable News Network (CNN).

-- BERNAMA

ALJ ZK MA